



BIOGRAFI DATO' SERI UTAMA TAN SRI ABDUL SAMAD IDRIS

**'ANGRY YOUNG MAN'
DARI NEGERI SEMBILAN**

DHARMALA N.S

BIOGRAFI
DATO'
SERI UTAMA
TAN SRI
ABDUL SAMAD
IDRIS

'ANGRY YOUNG MAN'
DARI NEGERI SEMBILAN

**BIOGRAFI
DATO'
SERI UTAMA
TAN SRI
ABDUL SAMAD
IDRIS**

**'ANGRY YOUNG MAN'
DARI NEGERI SEMBILAN**

DHARMALA N.S

© Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, atau pun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman atau pun sebaliknya, dengan tidak mendapat keizinan terlebih dahulu daripada penulisnya.

Cetakan pertama 2003
ISBN 983-2366-16-X

@ Dharmala N S

Diterbitkan oleh:

Jawatankuasa Penyelidikan Budaya
Muzium Negeri Sembilan
Taman Seni Budaya
Jalan Sungai Ujong
70200 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus
&
Kerajaan Negeri Sembilan

Dicetak oleh:
Percetakan Malindo Sdn Bhd
Lot 3, Jalan Ragum 15/17
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

Panel Penerbitan
Jawatankuasa Penyelidikan Budaya
Muzium Negeri Sembilan Darul Khusus

Penasihat

TAN SRI ABDUL SAMAD IDRIS

Pengerusi Panel

DATO' DR RAMLI UJANG

Ketua Editor

DHARMALA N S

Anggota Redaksi

DATO' HAJI SUDIN KAMARI

DATO' PROF SHAMSUL AMRI BAHARUDDIN

DATO' PROF ABDUL SAMAD HADI

DATO' SERI MAHARAJA KHALID BONGET

DATO' SENARA MUDA PILUS MAARIS

HAJI MUHAMMAD YASSIN

HAJI IBRAHIM ABDUL RAHMAN

DATO' LAKSAMANA HAJI ISMAIL ABDUL KADIR

DRS SHAMSUDDIN AHMAD

MD DARUS HAJI ABDUL MANAF

Daftar Isi



Bab 1	BERGURU KEPALANG AJAR	1
	- Anak Muda Julung Bertaji	
	- Tamu Di Seri Menanti	
	- Memecah Tradisi Adat	
Bab 2	ORANG TUA MENAHAN RAGAM	16
	- Apabila Mufti Tersinggung	
	- Wakil Ke Kuala Kangsar	
	- Tidur Di Atas Kerusi Sekolah	
Bab 3	GELOMBANG PERUBAHAN	31
	- Memikul Bateri Di Permatang	
	- Di Sebalik Kisah 'Juita'	
	- Kisah Seorang 'Kaki Bola'	
Bab 4	KE GUNUNG SAMA DIDAKI	45
	- Melukut Di Tepi Gantang	
	- Menunggu Kunjungan Tunku	
	- Kisah Dengan Dr Ismail	
	- Bahaman Shamsuddin Ke Teluk Anson	
Bab 5	KERUSI MENTERI BESAR	60
	- Genggam Bara Api	
	- Tunku Besar Ingatkan Khatib Hussein	
	- Menjalin Hubungan Ke Sumatera	

Bab 6	TUGAS SENDIRI DIKELEK	76
	- Misi Sulit Ke Sarawak	
	- Selepas Konfrantasi Sukarno	
	- Mencari Tanah Leluhur	
	- Minangkabau Terkenang Jua	
Bab 7	LURUS TALI LURUS SUMPITAN	92
	- Berbalah Dengan Sardon Jubir	
	- Timbalan Menteri Besar	
	- Pindah Ke Kerusi Parlimen	
Bab 8	MENGHADAPI SENARIO PERUBAHAN	108
	- Calon Ketua Pemuda	
	- Akhbar Suara Rakyat	
	- Timbalan Menteri Dalam Negeri	
Bab 9	JALAN SERIBU LIKU	124
	- Pak Lang Dari Negeri Sembilan	
	- Pertubuhan Nasrul Haq	
	- Anugerah Budayawan Gapena	
Bab10	LINGKUNG RUMPUN MELAYU	140
	- Memorandum Pemuda MCA	
	- Kontroversi Tokoh Belia	
	- Impian Dunia Melayu	
Bab 11	KESINAMBUNGAN PERJUANGAN	156
	- Telegram Seluruh Negara	
	- Selepas Tidak Jadi Menteri	
	- Kembali Menjadi Penulis	
Bab 12	GEMUK BERPUPUK SEGAR BERSIRAM	172
	- Bertemu Shamsiah Fakeh	
	- Langkah Sama Menapak	
	- Gerila Melayu Di Negeri Sembilan	

Bab 13	DI BUMI MERDEKA	188
	- Pengerusi Bank Pembangunan	
	- Pengerusi Kraftangan Malaysia	
	- Sensitif Seorang Penulis	
	- Pengerusi Finas	
Bab 14	ASAM GARAM PERJUANGAN	204
	- Mencari Ganti Menteri Besar	
	- Senario Pilihanraya 1982	
	- Titah Ucapan Tuanku	
Bab 15	NAN SEBARIS TIDAK LUPA	222
	- Antara Jejak Ditinggalkan	
	- Dilipat Sebesar Kuku	
	- Senario Alaf Baru	

Di Bumi Merdeka

"DI SINI amat jelas menunjukkan betapa lemahnya raja-raja Melayu sehingga tidak memberi tentangan langsung terhadap tindak tanduk Inggeris. Atas alasan inilah kita semua bersatu menyahut seruan Dato' Onn menentang dengan kerasnya langkah Mac Michael," kata-kata Tunku Abdul Rahman Putra dalam pertemuan dengan Bapa Kemerdekaan itu pada 18 Mac 1982. Tan Sri A Samad kelihatan terharu sepanjang temu bual dengan Tunku bagi menyiapkan buku '25 Tahun Merdeka'.

Sepanjang kerjaya politiknya Tan Sri A Samad tidak pernah berkhidmat dalam kabinet Tunku Abdul Rahman, disebabkan beliau lebih dikenali sebagai pemimpin pada peringkat negeri sahaja. Justeru hubungan beliau tidaklah rapat sangat dengan Tunku sebagai ketua parti, kecuali bertemu sekali sekala semasa Perhimpunan Agung Umno. Selepas bersara daripada jawatan kabinet, Tan Sri A Samad mengambil peluang bertemu Tunku di samping projek menyiapkan bukunya mengenai perjuangan kemerdekaan.

Ketika itu Tan Sri A Samad merupakan Pengerusi Bank Pembangunan yang masih lagi beribu pejabat di bangunan MOCCIS di Jalan Melaka. Sehari sebelum menemui Tunku, setiausaha beliau di Bank Pembangunan, Puan Fadzilah Ibrahim menelefon penulis beritahu mengenai temu janji di kediaman Bapa Kemerdekaan itu di Bukit Tunku jam 10.00 pagi. Kami sampai jam 9.30 pagi disambut oleh Tun Sharifah Radhiah, sekali pun beliau dalam keadaan uzur tetapi begitu ceria menyambut kedatangan Tan Sri A Samad bersama penulis.

Sepanjang berbual bersama Tun Sharifah Radhiah, ternyata beliau tidak bergerak ke mana-mana tetapi bertupang pada meja di hadapannya. Selepas itu penulis menyedari Tun Sharifah Radhiah sebenarnya memerlukan kerusi roda untuk bergerak. Rupa-rupanya beliau sanggup menahan kesukaran untuk berdiri semata-mata mahu

melayani tetamu berkunjung yang memperlihatkan beliau isteri seorang pemimpin sejati. Sebaik sahaja jam 10.00 pagi, setiausaha Tunku meminta kami datang ke dewan bersebelahan disebabkan Tunku sedang bermesyuarat.

Semasa penulis bersama Tan Sri A Samad masuk ke dewan berkenaan, Tunku baru sahaja selesai bermesyuarat lembaga pengarah akhbar *The Star*. Beberapa orang ahli lembaga pengarah turut diperkenalkan kepada Tan Sri A Samad dan penulis; antaranya yang kami kenali ialah Lim Kean Siew (bekas ahli Parlimen pembangkang yang kemudian menyertai MCA) dan kakaknya peguam P G Lim. Sebaik sahaja ahli lembaga pengarah akhbar *The Star* beredar, Tan Sri A Samad memulakan perbualan mengenai Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) yang dipimpin oleh Tunku.

Tunku juga mempelawa Tan Sri A Samad supaya menggerakkan Perkim di Negeri Sembilan, terutama mendapatkan tapak bagi mendirikan bangunan Perkim. Malah beliau juga mengimbau peranan Tan Sri A Samad ketika menjadi Exco kerajaan Negeri Sembilan selaku pengerusi hal ehwal agama Islam. Sumbangan Tan Sri A Samad dalam pembangunan pendidikan Islam di Negeri Sembilan dengan menubuhkan sekolah menengah agama rendah dan sekolah agama menengah tinggi, memang dihargai oleh Tunku.

Pendirian Tunku dalam isu kegiatan komunis memang tidak berkompromi, kerana beliau menolak ideologi komunis yang tidak sesuai dengan masyarakat Melayu yang menganut agama Islam. Tunku memberitahu, *"Saya sedar Tun Razak seorang yang cukup bijak, tetapi tidak ada sauh. Beliau boleh hanyut ke sana ke sini kalau tidak diingatkan selalu. Saya teringatkan peristiwa beliau bergaduh dengan saya semasa di London dulu apabila beliau menerima pelawaan agar saya mempengerusikan satu forum yang dianjurkan oleh komunis.*

"Tetapi ada baiknya saya tidak menceritakan perkara-perkara selanjutnya. Saya tahu Razak telah menerima pelawaan tersebut. Saya panggil beliau dan ingatkan: Jangan terima, you bukan komunis. Tun Razak menjawab: Tak apalah, kita nak tahu saja. Perkara kegiatan komunis di London itu memang saya benar-benar faham. Sebab itu saya katakan: Alah, nak tahu apa? Saya pun boleh bagi cerita atas komunis punya aktiviti di London tu.

"Atas sebab-sebab inilah saya tulis surat tersebut kepada Tun Razak apabila saya sedia mengambil alih pucuk pimpinan Umno.

Sebab itulah saya tegaskan: You don't play politics like monkey up the post. Itulah keadaannya”. Sama ada sebelum atau selepas memimpin Umno, Tunku memang tidak berkompromi dengan ideologi komunis. Apabila memimpin Umno ramai pegawai-pegawai MCS menyebelahi Dato' Onn, menyebabkan beliau hampir berputus asa dengan sikap intelektual Melayu ketika itu.

Tetapi Bahaman Shamsuddin dan Ismail Ali (bekas Gabenor Bank Negara, Tun) adalah antara pegawai MCS yang memberikan sokongan kepada Tunku secara terbuka. Dalam masa rancak berbual kami juga dihidangkan dengan minuman. Ketika inilah penulis melihat Tunku mengeluarkan bungkus kecil di dalam saku bajunya untuk dibancuh dalam minuman. Bungkus kecil itu adalah madu lebah sebagai ganti gula, menurut Tunku paling mujarab untuk mereka yang menghidap penyakit 'kencing manis'.

Tan Sri A Samad lebih banyak mendengar kisah perjuangan Tunku di peringkat awal menuntut kemerdekaan, kerana peluang mendengar sendiri dari mulut Bapa Kemerdekaan bukanlah mudah. Sekali pun Tan Sri A Samad terbabit dalam perjuangan kemerdekaan, tetapi beliau lebih banyak memainkan peranan di peringkat negeri. Malah banyak rahsia perjuangan Tunku belum didengarnya, termasuk juga perbincangan rahsia di atas kapal di Singapura dengan Sir Donald Mac Gillevery (Pesuruhjaya Tinggi Malaya) pada jam 11.00 malam.

Perbincangan empat mata (Tunku dan Mac Gillevery) tidak diketahui oleh sesiapa, sekali pun Tun Dr Ismail dan Tun Kolonel H S Lee ikut sama mengiringkan Tunku. Kapal perang berkenaan terus belayar ke Kelantan membawa Mac Gillevery, bagaimana pun Tunku bersama rakan-rakannya turun untuk balik ke Kuala Lumpur. Selepas pertemuan empat mata di atas kapal tersebut, tidak ada sebarang kenyataan dibuat oleh kedua-dua belah pihak menyebabkan ianya menjadi misteri yang belum dibongkar.

Dalam pertemuan tersebut Tunku menyatakan pihak Inggeris menerima semua cadangan Umno mengenai mengadakan pilihanraya. Demi menjaga maruah pihak Inggeris beliau bersetuju supaya butir-butir perbincangan itu tidak dihebahkan. Disebalik kejayaan itu Tunku juga tidak dapat melupakan bagaimana kedudukannya sebagai Ketua Menteri selepas pilihanraya 1955 seolah-olah dipandang rendah oleh penjajah Inggeris. Tunku seterusnya memberitahu:

“Apa yang sangat saya kesalkan setelah kita memenangi pilihanraya ialah sikap British mengabaikan masalah kita. Apabila saya menjadi Ketua Menteri saya telah mengemukakan senarai penuh nama-nama ahli kabinet saya kepada mereka. Tetapi tidak ada kemudahan-kemudahan disediakan kepada saya sebagai seorang Ketua Menteri. Tidak ada rumah disediakan untuk saya, tidak ada kereta rasmi disediakan. Sebagai Ketua Menteri saya dapat rumah yang tiris bila masa hujan. Kalau hujan tengah malam saya terpaksa sorong katil saya mencari tempat yang tak ditimpa hujan”.

Ketika balik meninggalkan kediaman Tunku, penulis mendapati Tan Sri A Samad tidak banyak bercakap. Beliau mendiamkan diri sahaja seperti kebiasaan apabila jiwanya mula tersentuh. Memang saya menyedari Tan Sri A Samad begitu tersentuh, apabila menyorot suka duka yang dialami Tunku dalam perjuangan menuntut kemerdekaan. Bukan sahaja terpaksa menghuni rumah bocor selepas menjadi Ketua Menteri, malah terpaksa menjual 14 buah rumah miliknya bagi membiyai perjuangan Umno selepas ditinggalkan oleh Dato’ Onn dalam keadaan ‘anak ayam kehilangan ibu’.

Pengerusi Bank Pembangunan

Apabila (Tun) Syed Nasir Ismail dilantik menjadi Speaker Dewan Rakyat, selepas Tan Sri Nik Ahmad Kamil meninggal dunia, beliau mengosongkan jawatannya selaku Pengerusi Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB). Tan Sri A Samad mengambil alih jawatan Pengerusi Bank Pembangunan mulai 1981 ketika beribu pejabat di bangunan MOCCIS. Penulis terus menggunakan pejabat Nasrul Haq di Jalan Pekeliling (Tun Razak) bersama Kapten Abdul Manaf Yaakob (Allahyarham) dan Ismail Ibrahim (Pak Mail, Allahyarham) iaitu kakitangan Pusat latihan Belia Dusun Tua yang dipinjamkan membantu pentadbiran Nasrul Haq.

Dalam masa yang sama Tan Sri A Samad juga dilantik menjadi Pengerusi Kraftangan Malaysia dan Pengerusi Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (Finas). Bagaimanapun beliau lebih suka ke pejabat Bank Pembangunan setiap hari, kerana setiausahanya Fadzilah cekap mengambil trengkas. Bersama Fadzilah beliau akan meminta siapkan deraf artikel untuk dihantar ke akhbar Mingguan Malaysia, kemudian

dihantar kepada penulis bagi disesuaikan dengan pepatah petiti yang menjadi kegemarannya. Ketika inilah penulis mengesyorkan kepadanya supaya dibuat artikel menukarkan nama 'Jalan Pekeliling' kepada 'Jalan Tun Razak'.

Tan Sri A Samad tidak menerima bulat-bulat syor tersebut, kecuali disertakan dengan hujah yang logik. Bagi penulis 'Jalan Pekeliling' merupakan jalan paling panjang di Kuala Lumpur, di samping kedudukannya melingkari ibu kota dari bulatan Jalan Kampung Pandan hingga ke bulatan Jalan Pahang. Lingkaran jalan ini sebagai simbolik bandar Kuala Lumpur didakap erat oleh sebatang jalan yang mengambil sempena nama 'Tun Razak'. Selepas beliau bersetuju, deraf artikel itu mula dicatatkan oleh Fadzilah, sebelum penulis buat semakan selanjutnya.

Tidak lama selepas artikel tersebut disiarkan dalam *Mingguan Malaysia*, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menukar nama 'Jalan Pekeliling' yang terpanjang di ibu kota itu kepada 'Jalan Tun Razak'. Ketika itu aktiviti Nasrul Haq masih juga diteruskan dengan mengadakan kursus-kursus di bawah pengawasan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan meliputi ekonomi, keselamatan dalam negeri, agama dan kemasyarakatan. Kapten Manaf ditugaskan mengendalikan kursus-kursus yang dijalankan, sementara itu Pak Mail pula bertanggungjawab dalam latihan jasmani.

Dalam tahun 1982 itulah Tan Sri A Samad merancang mahu menulis buku '25 Tahun Merdeka', tetapi projek tersebut menggunakan kos yang besar. Sekali pun usaha kaji selidik dibuat sendiri oleh Tan Sri A Samad, tetapi ketika itu penerbitan buku belum lagi ada kemudahan komputer. Fadzilah terpaksa menaip terlebih dahulu untuk dikemaskinikan selepas penulis membuat deraf, kemudian dihantar ke sebuah syarikat bagi 'typesetting' dan 'layout'. Kebetulan pula syarikat tersebut milik rakan baik Tan Sri A Samad, iaitu Haji Abu Bakar Yunus; dengan itu memudahkan untuk berurusan.

Tan Sri A Samad bersama penulis ke Arkib Negara bertemu Datuk Zakiah Hanum bagi memilih gambar-gambar yang sesuai. Kerja-kerja penerbitan ini dilakukan sendiri oleh Tan Sri A Samad bersama penulis, sekali pun beliau sibuk dengan urusan selaku Pengerusi Bank Pembangunan, Kraftangan Malaysia dan Finas. Di samping itu beliau juga menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah Utusan Melayu. Dalam kesibukan inilah beliau meluangkan masa bagi menyiapkan buku berkenaan di samping menemu ramah beberapa orang tokoh.

Bagaimanapun urusan bagi mendapatkan kerjasama Pak Sako (Allahyarham Dato' Dr Ishak Haji Muhammad), Pak Boes (Allahyarham Dato' Ahmad Boestamam) dan Pak Samad (Allahyarham Abdul Samad Ahmad), penulis sendiri yang menghubungi mereka. Bagi Tan Sri A Samad semua bangsa Melayu terbabit dalam perjuangan kemerdekaan tidak mengira mereka di dalam Umno atau di luar Umno. Penulis juga ke Ibu Pejabat Umno di bangunan lama di Jalan Tuanku Abdul Rahman (sebelum pembinaan bangunan Pusat Dagangan Dunia Putra - PWTC), terpaksa menyelongkar banyak fail-fail yang dilonggokkan di bawah tangga sahaja.

Antara yang ditemui ialah dokumen yang ditanda tangani oleh Setiausaha Agung Umno, Hussein bin Onn bertarikh 15 Mei 1951 mengenai jumlah ahli Umno sehingga 30 April 1951 dan buku *'10 Tahun Umno'* yang disusun oleh Setiausaha Agung Umno ketika itu Senu Abdul Rahman (Allahyarham, Tan Sri). Penulis juga terpaksa menghabiskan masa sehari suntuk di perpustakaan Utusan Melayu bagi mendapatkan beberapa keratan akhbar yang disiarkan pada tahun 1951 dan 1957. Boleh dikatakan dalam tempoh menyiapkan buku itu, penulis jarang berada di pejabat Nasrul Haq di Jalan Tun Razak.

Justeru kemerdekaan yang dicapai bukanlah melalui jalan mudah, seperti disebut oleh Tunku ketika diwawancara bagi menyiapkan buku *'25 Tahun Merdeka'* itu. Kata Tunku lagi,

"Sejak zaman berzaman orang-orang Melayu dipandang hina akibat perintah di bawah takluk bangsa lain. Siapa mahu menaklukinya, datanglah! Tidak ada semangat langsung ditunjukkan untuk menentang penjajah. Kalau ada pun dihikeyatkan tentang keberanian bangsa Melayu hanyalah Hang Tuah.

"Bolehkah dengan Hang Tuah seorang sahaja bersemangat gagah berani? Hang Tuah tidak mengorek keluar semangat bangsa Melayu yang terpendam dalam dada mereka. Berapa lama Hang Tuah boleh berjuang kalau sekadar tenaganya seorang? Semua rakyat harus bangkit bersama semangat gagah berani Hang Tuah kalau mahu melihat bangsa Melayu dipandang mulia di samping bangsa-bangsa asing. Saya sedar bahawa kekuatan memang ada dalam batang tubuh bangsa Melayu. Sayangnya kekuatan itu tenggelam; tenggelam seperti emas yang tidak dikorek keluar..."

Semasa ibu pejabat Bank Pembangunan di bangunan MOCCIS juga Tan Sri A Samad menyiapkan buku '*50 Tahun Askar Melayu*'. Ketika itu Kapten Manaf sudah diminta balik berkhidmat di Dusun Tua, sementara Pak Mail yang sudah bersara dari perkhidmatannya ditugaskan sepenuh masa di pejabat Nasrul Haq. Bersama Pak Mail pula penulis menemui ramai veteran Askar Melayu termasuk yang pernah terbabit dalam perang melawan Jepun pada Perang Dunia Kedua.

Kemudahan di Bank Pembangunan ialah kecekapan Fadzilah mengambil trengkas, di samping menaip semula hasil rakaman yang dibuat semasa temu ramah. Justeru Tan Sri A Samad sering memuji-muji perkhidmatan cemerlang Fadzilah, selepas beliau tidak lagi menjadi Pengerusi Bank Pembangunan. "Susah nak cari ganti orang macam Fadzilah, dia memang cekap mengambil trengkas," beritahu Tan Sri A Samad kepada penulis. Memang Tan Sri A Samad paling lama berkhidmat selaku Pengerusi Bank Pembangunan, sejak ibu pejabatnya di bangunan MOCCIS kemudian berpindah ke bangunan KOSAS di Jalan Masjid India, hinggalah mempunyai bangunan sendiri di Jalan Sultan Ismail.

Dalam tempoh lebih 10 tahun Tan Sri A Samad di Bank Pembangunan, beliau menjadi tempat mengadu produser-produser drama swasta TV mengenai masalah mereka. Ketika itu kemudahan mendapatkan pinjaman bagi produser-produser drama swasta diselaraskan dengan Finas, kerana Tan Sri A Samad juga adalah Pengerusi Finas. Menurut Fadzilah sikap terbuka Tan Sri A Samad ini kadangkala menyulitkan beliau sendiri, apabila mereka yang datang menemuinya seolah-olah semua boleh diselesaikan dalam satu masa.

"Tiga perkara yang menjadi kelemahan beliau iaitu mudah percaya orang yang baru dikenalnya, menerima siapa sahaja tetamu sekali pun tidak membuat *appointment* terlebih dahulu dan sanggup jadi penjamin kepada mereka yang membuat pinjaman ke bank," jelas Fadzilah yang sering mengingatkan Tan Sri A Samad sepanjang bertugas sebagai setiausaha beliau di Bank Pembangunan. Perkara yang sama juga diberitahu oleh Norlind iaitu bekas setiausahanya di Finas. Kadangkala sikap terbuka Tan Sri A Samad ini menyebabkan pihak lain sengaja mencari kesempatan.

Sikap mudah percaya kepada orang yang baru dikenalnya beberapa bulan sahaja, Tan Sri A Samad sanggup menjadi penjamin

kepada pinjaman berjumlah besar di sebuah bank komersil. Apabila orang berkenaan tidak melunaskan pinjamannya, hampir-hampir beliau menghadapi tindakan mahkamah oleh bank terbabit, menurut Fadzilah. Begitu juga ketika di Finas, seorang pemilik syarikat mendakwa Tan Sri A Samad menjadi pengerusinya apabila berurusan dengan jabatan-jabatan tertentu. Malah mengakui syarikat tersebut disenaraikan di Bursa Saham. “Sekali pun Tan Sri A Samad sedar namanya ‘dijual’ orang itu, tapi dia anggap perkara biasa,” ujar Norlind.

Bukan sahaja Fadzilah atau Norlind sering mengingatkan beliau supaya tidak terlalu bersikap terbuka, malah anak-anak Tan Sri A Samad juga tidak senang dengan sikapnya. Salah seorang anaknya pernah memberitahu mengenai sikap Tan Sri A Samad cepat sangat mempercayai orang yang baru dikenalnya hingga terdapat pihak yang sengaja mencari kesempatan. “Tapi apabila kita ingatkan, dia akan jawab ‘orang tu menipu kerana tak ada duit, kalau orang tu ada duit, dia tak akan menipu’,” beritahu salah seorang anaknya.

Justeru semasa menyiapkan buku ‘25 Tahun Merdeka’ dan ‘50 Tahun Askar Melayu’ memang banyak pengalaman yang penulis lalui bersama Tan Sri A Samad. Beliau pula menyediakan pejabat untuk penulis bersama seorang setiausaha di sebuah bangunan di Jalan Gurney (sekarang Jalan Semarak) iaitu bersama dengan syarikat anak-anaknya Asas Budiman Sdn Bhd, setelah Nasrul Haq tidak lagi mempunyai aktiviti seperti sebelumnya. Ketika itu bangunan ibu pejabat Bank Pembangunan juga sudah dipindahkan ke bangunan KOSAS di Jalan Masjid India.

Pengerusi Kraftangan Malaysia

Semasa menjadi Pengerusi Bank Pembangunan, Tan Sri A Samad juga dilantik menjadi Pengerusi Kraftangan Malaysia, sebuah agensi kerajaan. Pejabatnya terletak di Jalan Tun Perak tidak jauh dari bangunan MOCCIS. Biasanya beliau akan berjalan kaki sahaja dari pejabat Bank Pembangunan ke pejabat Kraftangan Malaysia itu; kadangkala sengaja pula menyimpang ke Jalan Melayu terus ke Jalan Masjid India. Di situ ramai pelukis-pelukis jalanan berkarya memperlihatkan bakat mereka dalam bidang seni lukis potret.

Pernah berlaku satu ketika apabila pemandunya (berasal dari Jakarta bernama Sarim) datang ke pejabat Nasrul Haq memberitahu Tan Sri A Samad meminta penulis datang ke Bank Pembangunan,



*Membuat lawatan kerja ke Jepun tahun 1973
ketika menjawat jawatan
Timbalan Menteri Pertanian.*



*Satu aksi di Lapangan Terbang Subang balik
daripada membuat lawatan ke luar negeri.*

beliau terlupa janjinya mahu bertemu penulis. Sewaktu penulis sampai di pejabatnya, Fadzilah memberitahu beliau ke pejabat Kraftangan Malaysia. Sebaliknya apabila Fadzilah menelefon ke pejabat Kraftangan Malaysia untuk memberitahu penulis sudah sampai ke Bank Pembangunan, beliau dikatakan belum lagi sampai ke situ.

Rupa-rupanya beliau asyik melihat pelukis-pelukis jalanan itu melukis potret bersama orang ramai yang berkerumun di situ, hingga terlupa sudah berjanji mahu bertemu penulis di pejabatnya di Bank Pembangunan. Sepanjang beliau berkhidmat di Kraftangan Malaysia, memang tidak pernah penulis ke situ disebabkan beliau lebih banyak menghabiskan masa di pejabat Bank Pembangunan. Menjadi kebiasaan beliau tidak boleh melihat orang melukis, nescaya Tan Sri A Samad akan berhenti memerhatikan dengan tekun.

Ketika masih lagi Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, beliau mengambil inisiatif membawa seorang pelukis dari Indonesia dikenali Pak Yanto yang mahir melukis potret ditempatkan di bangunan bersebelahan pejabat Nasrul Haq. Lukisan potret pemimpin-pemimpin yang diletakkan di bangunan Umno sekarang adalah hasil karya Pak Yanto. Di samping Pak Yanto, beliau juga membawa pengukir-pengukir dari Indonesia ditempatkan di bangunan berkenaan sebagai bengkel mereka membuat kerja-kerja ukiran.

Pengukir-pengukir yang dibawa Tan Sri A Samad masuk ke Malaysia bukan sahaja mampu mengukir bingkai untuk hiasan lukisan potret, malah mereka juga berkemahiran dalam membuat perabut. Sekali pun Tan Sri A Samad tidak menggemari orang merokok di hadapannya, tetapi Pak Yanto akan melukis dengan rokok sentiasa tersepit di bibirnya. Pak Yanto memang seorang perokok yang tidak dapat membuat kerja-kerjanya kalau tidak merokok. Beberapa kali isterinya memberitahu penulis mengenai kesihatan Pak Yanto yang sering terganggu akibat terlalu kuat merokok.

“Pak Yanto memang kuat merokok, tapi kalau kita larang dia merokok, lukisannya tak boleh siap,” beritahu Tan Sri A Samad mengenai pelukis berkenaan. Semasa Tan Sri A Samad meminta Pak Yanto melukiskan potret berasaskan Majlis Mesyuarat Agung Umno memperlihatkan Dato’ Onn berucap tidak menggunakan pembesar suara (sebenarnya pembesar suara rosak ketika itu), keadaan penyakit Pak Yanto sudah semakin serius. Beliau tidak sempat menyiapkan lukisan itu, apabila meninggal dunia akibat masalah paru-paru yang dihidapinya sejak beberapa waktu.

Beberapa kali juga Tan Sri A Samad berulang alik ke Jakarta mahu mencari ganti Pak Yanto, tetapi tergendala atas beberapa masalah yang sukar dijelaskan. Biasanya Tan Sri A Samad akan ke Jakarta bersama beberapa orang rakan termasuk Haji Ismail Abdul Kadir (Dato' Laksamana, seorang dato' adat di luak Rembau), Haji Mustafa Ton (seorang penerbit majalah), Dato' Abdul Rashid Yusuf (seorang usahawan), beliau sengaja mengajak mereka ke Anchor satu kawasan di tepi pantai tempat pelukis-pelukis berkarya.

Ramai pelukis-pelukis di tepi pantai berkenaan menunjukkan bakat mereka kepada pengunjung-pengunjung. Tan Sri A Samad asyik dengan pelukis-pelukis menconteng kanvas sekali pun beliau menyedari kawan-kawannya kurang berminat dengan suasana demikian. Justeru tugas beliau di Kraftangan Malaysia memang berkait rapat dengan hasil kraftangan di Malaysia, tetapi kurang dipromosikan di peringkat antarabangsa. Beliau tidak lama di Kraftangan Malaysia, apabila tempatnya diambil alih pula oleh Tan Sri Aishah Ghani.

Sensitif Seorang Penulis

Sukar bagi Tan Sri A Samad mahu menyisihkan dirinya daripada politik di Negeri Sembilan. Apabila berlaku pergolakan, beliau cepat terasa seolah-olah '*cubit paha kanan, paha kiri sama sakitnya*'. Begitulah peristiwa yang menyentuh perasaannya menjelang pilihanraya 1982, sekali pun beliau tidaklah lagi bertanding dalam pilihanraya tersebut. Jam 7.30 pagi beliau sudah bertolak ke Gemencheh, sebaik sahaja mendapat tahu Dato' Taha bin Talib calon Barisan Nasional (BN) di DUN Gemencheh meninggal dunia akibat ditembak.

Sehari sebelum kejadian itu Tan Sri A Samad turun ke Seremban, apabila calon-calon BN mengadakan perjumpaan. Beliau sempat berbual-bual dengan Dato' Taha mengenai perkembangan sepanjang kempen pilihanraya itu ketika makan tengah hari bersama calon-calon. Malah setiap calon bergurau mesra sambil masing-masing berebut mahu membayar bil selepas makan itu, termasuk juga Dato' Taha sendiri. Sebaik sahaja mendapat berita buruk mengenai kematian Dato' Taha, tidak bertangguh awal pagi lagi beliau menziarahi ke rumah Dato' Taha di Sungai Dua, Gemencheh. Kes pembunuhan Dato' Taha mendapat liputan meluas pada semua media, kerana dianggap paling tragis dalam sejarah politik Malaysia.

Penulis mendapat tahu beliau turun ke Gemencheh jam 7.30

pagi apabila menghubungi Fadzilah di Bank Pembangunan mengenai urusan lain. Kebetulan beliau meninggalkan deraf artikelnya untuk disemak. Tan Sri A Samad memang sensitif dengan artikel yang ditulisnya jika hilang atau tersalah letak di mana-mana. Pernah berlaku satu waktu beliau meminta Kapten Manaf sampaikan deraf artikelnya kepada penulis, tetapi ketika itu penulis tidak datang ke pejabat Nasrul Haq. Kapten Manaf meletakkan deraf artikel itu di atas meja penulis, kerana beranggapan tidak mungkin sesiapa pun masuk ke bilik berkenaan.

Pada masa yang sama Nasrul Haq mengadakan kursus di situ, menyebabkan keadaan di situ sibuk sedikit. Sekali pun asrama terletak di bangunan lain, tetapi terdapat juga mereka yang naik ke bangunan pejabat. Salah seorang peserta kursus masuk ke bilik penulis lantas membaca deraf artikel berkenaan, sebelum Pak Mail mengambilnya terus menyimpan ke dalam laci. Keesokan harinya apabila Tan Sri A Samad datang ke Rumah Nasrul Haq untuk upacara pembukaan rasmi kursus, beliau bertanya kepada penulis mengenai deraf artikel tersebut.

Disebabkan penulis tidak tahu menahu mengenai deraf artikel berkenaan, beliau agak marah kepada Kapten Manaf kerana kelalaian tersebut. "Cari sampai dapat, saya tak ada simpan copynya," gerutu Tan Sri A Samad sebelum meninggalkan Rumah Nasrul Haq. Kapten Manaf menjadi gelabah terus melepaskan marahnya kepada peserta-peserta kursus yang naik ke pejabat dengan tidak mempunyai urusan. Tidak lama selepas itu Tan Sri A Samad menelefon Kapten Manaf bertanyakan sama ada deraf artikel sudah ditemui atau belum, disebabkan beliau tidak senang hati selagi belum ditemui.

Setelah puas Kapten Manaf menyelak kertas dan buku-buku di atas meja, barulah Pak Mail bertanya sama ada deraf artikel yang dimaksudkan ialah kertas yang disimpannya di dalam laci penulis. Memang kertas yang disimpan oleh Pak Mail di dalam laci itulah deraf artikel Tan Sri A Samad yang kami cari. Tidak bertanggung pula Kapten Manaf menelefon Tan Sri A Samad memberitahu mengenai deraf artikelnya tidak hilang, tetapi disimpan oleh Pak Mail apabila beberapa orang peserta kursus masuk ke bilik penulis. Memang Tan Sri A Samad begitu sensitif dengan deraf artikelnya kalau didapati hilang atau terkoyak sebelum siap disemak untuk dihantarkan ke akhbar.

Justeru pagi peristiwa Dato' Taha ditemui meninggal dunia itu,

penulis menelefon ke pejabat Tan Sri A Samad di Bank Pembangunan bertanyakan mengenai artikel berkenaan. Apabila diberitahu Fadzilah mengenai insiden yang menimpa Dato' Taha, memang penulis terkejut. Apa lagi isteri kedua Dato' Taha, Noredah Ahmad adalah kenalan baik penulis semasa sama-sama terbabit dalam Persatuan Penulis Negeri Sembilan (Pen). Dalam politik di Negeri Sembilan, Dato' Taha bukan sahaja rakan baik Tan Sri A Samad, malah anak didiknya sejak dalam kepimpinan Pemuda Umno lagi.

Apabila mula dilantik menjadi Exco kerajaan tahun 1956, Tan Sri A Samad mengambil inisiatif mengendalikan '*Suara Negeri*' lidah rasmi kerajaan Negeri Sembilan. Beliau telah memberi kepercayaan kepada Dato' Taha menjadi pengarang akhbar terbitan kerajaan itu bersama Abdul Majid Abdul Rahman (bekas wartawan Majlis di Negeri Sembilan). Di bawah bimbingan Tan Sri A Samad inilah, Dato' Taha memperlihatkan potensi sebagai pemimpin dalam barisan Pemuda Umno di Negeri Sembilan.

Tan Sri A Samad yang menjadi Ketua Pemuda Umno Negeri Sembilan memberi ruang yang lebih luas kepada Dato' Taha dalam kerjaya politik. Dalam pilihanraya 1959, Dato' Taha diberi peluang bertanding di DUN Tampin atas sokongan Tan Sri A Samad ketika beliau berusia 25 tahun. Dato' Taha memenangi pilihanraya tersebut dengan mendapat 2,830 undi mengalahkan Chong Se Hock (Sosialis Front) 873 undi dan Abdul Manap bin Hussin (Pas) 173 undi. Dato' Taha mengekalkan kerusi DUN Tampin dalam pilihanraya 1964 apabila mendapat 3,565 mengalahkan calon Sosialis Front, Dr Sulaiman bin Mohd Attas (1,687) dan calon Bebas, Othman bin Lisut (309).

Selaku Ketua Umno Tampin, Dato' Taha membuat kejutan pada pilihanraya 1969 apabila membawa masuk musuh politiknya Dr Sulaiman menyertai Umno, di samping dijadikan calon Parti Perikatan bagi kerusi Parlimen Rembau/Tampin. Haji Redza bin Haji Muhd Said yang sebelumnya ahli Parlimen Rembau/Tampin dipindahkan bertanding ke kerusi DUN Terentang. Sementara itu ADUN Terentang Datuk Rahmah binti Haji Kassim digugurkan daripada menjadi calon pada pilihanraya 1969. Percaturan politik di Tampin ini dianggap oleh banyak pihak sebagai campur tangan Tan Sri A Samad sendiri.

Sebelum itu Haji Redza dikatakan pengkritik kuat Tan Sri A Samad yang memainkan peranan menghalang beliau daripada dilantik menjadi Menteri Besar. Di samping itu Haji Redza juga menggunakan

pengaruh keluarganya dalam usaha menonjolkan nama Dr Muhd Said menjadi Menteri Besar selepas pilihanraya 1959 dan 1964. Apabila Dato' Taha dapat menguasai kepimpinan Umno Rembau/Tampin, segala tindak tanduknya dianggap mendapat restu daripada Tan Sri A Samad.

Berikutan kematian Dr Sulaiman dalam tahun 1972, pucuk pimpinan Pusat sudah bercadang meletakkan peguam Sulaiman Alias menjadi calon Umno. Tetapi Dato' Taha menentang keputusan pucuk pimpinan Pusat, menyebabkan Tun Razak memberi tempoh 24 jam bagi mendapatkan calon yang sesuai. Tan Sri A Samad diminta turun ke Tampin menemui Dato' Taha bagi menyampaikan mesej Tun Razak yang memberi tempoh 24 jam sahaja. Ketika Tan Sri A Samad menemui Dato' Taha, beliau diberitahu Umno Bahagian Tampin sudah menyediakan calonnya memenuhi ciri-ciri yang dituntut oleh Tun Razak.

Tun Razak mahukan seorang calon yang berijazah, aktif dalam Umno dan semestinya anak tempatan. Dalam tempoh tidak sampai 24 jam, Dato' Taha dapat mengemukakan nama (Dato') Mokhtar bin Hashim, seorang graduan, aktif dalam Pemuda Umno di Morib dalam negeri Selangor dan anak tempatan di Rembau iaitu memenuhi ciri-ciri yang dituntut oleh Tun Razak. Apabila Tan Sri A Samad balik ke Kuala Lumpur menemui Tun Razak, segala yang ditetapkan oleh Umno Pusat dapat dipenuhi oleh Umno Tampin.

Disebabkan Tan Sri A Samad sudah ke Gemencheh pagi berkenaan, penulis tidaklah ke Bank Pembangunan untuk mengambil deraf artikel yang sudah disiapkan oleh Fadzilah. Memang Tan Sri A Samad tidak akan memberikan deraf artikel itu kepada sesiapa untuk diserahkan kepada penulis, selain daripada disimpan oleh Fadzilah. Malah Fadzilah juga mempunyai memori yang kuat, kerana tahu mengenai teks artikel yang sudah diserahkan atau belum kepada penulis.

Pengerusi Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (Finas)

Apabila Perdana Menteri Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga memegang portfolio Menteri Perdagangan dan Perindustrian didesak membantu industri perfileman, beliau bersetuju menubuhkan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (Finas). Tan Sri A Samad

dilantik oleh Dr Mahathir selaku pengerusi pertama Finas, dengan pejabatnya di sebuah bangunan di Ampang Hilir. Dato' Ismail Zain bekas pegawainya semasa memegang jawatan Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan dilantik menjadi ketua pengarahnya.

Penulis tidaklah begitu rapat dengan Dato' Ismail Zain, tetapi Tan Sri A Samad serasi dengan pegawainya itu kerana mereka mempunyai minat yang sama. Dato' Ismail Zain memang seorang pelukis terkenal tetapi meminati bidang abstrak. Tidak banyak penulis mengetahui mengenai Dato' Ismail Zain ketika berkhidmat dengan Finas, malah tidak pernah penulis ke pejabat Tan Sri A Samad di Finas ketika di bangunan di Jalan Ampang Hilir itu. Bagaimana pun Tan Sri A Samad bersama Dato' Ismail Zain inilah banyak merancang idea mereka untuk perkembangan Finas termasuk membeli Studio Merdeka di Hulu Kelang, kemudiannya dikenali Kompleks Studio Merdeka Hulu Kelang.

Semasa Dato' Ismail Zain mengambil keputusan tidak mahu meneruskan khidmatnya dengan Finas, Tan Sri A Samad cuba memujuknya tetapi beliau tetap dengan keputusannya. Ketika itu beberapa orang sudah dipertimbangkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi mengisi jawatan Ketua Pengarah Finas. Apabila pihak JPA menghubungi Tan Sri A Samad untuk mendapatkan pandangannya, beliau bersetuju sekiranya (Dato') Zain Hamzah mengisi kekosongan jawatan tersebut. Sebaik sahaja Tan Sri A Samad meletakkan telefon lantas beliau meminta pandangan penulis mengenai Dato' Zain.

Sebenarnya penulis tidaklah kenal rapat dengan Dato' Zain, tetapi memang mengetahui beliau mempunyai pengalaman luas dalam bidang penyiaran, kewartawanan dan hubungan awam. Justeru secara spontan penulis mengakui beliau sesuai menjadi Ketua Pengarah Finas yang mempunyai hubungan langsung dengan orang-orang filem. Memang Tan Sri A Samad suka mendengar pandangan kawan-kawan sebelum mengambil keputusan penting yang difikirkannya sesuai.

Begitu juga semasa menziarahi kematian ayah Dato' Rais Yatim ketika itu Menteri Penerangan dalam tahun 1987, penulis memberi pandangan kepadanya lebih baik Finas diletakkan di bawah kementerian penerangan kerana fungsinya yang lebih sesuai dengan bidang penerbitan filem. Ketika itu Finas masih lagi diletakkan di bawah kementerian perdagangan dan perindustrian (Tengku Razaleigh

Hamzah). Apabila bertemu Dato' Rais, beliau juga bersetuju Finas diletakkan di bawah kementeriannya di samping meminta 'Pak Lang' membuat memorandum cadangan bagi dipanjangkan kepada kabinet.

Tan Sri A Samad berjaya mendapatkan kerjasama Dato' Rais meletakkan Finas di bawah Kementerian Penerangan, tetapi dalam pertemuan itu beliau gagal memujuk Dato' Rais supaya bertanding jawatan MT sahaja dalam Perhimpunan Agung Umno ketika itu. Dato' Rais memilih jalannya sendiri iaitu bertanding jawatan Naib Presiden Umno.